

Seri Paduka pencinta alam semula jadi, haiwan



NUR SHAFAlZAL bersama seekor kucing yang ditempatkan di mini zoo milik Seri Paduka di Alor Setar.

ALOR SETAR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang mencintai alam semula jadi, mempunyai sebuah mini zoo di Istana Anak Bukit di sini, bagi memastikan haiwan kesayangan baginda dipelihara dengan baik.

Penjaga mini zoo itu, Nur Shafaizal Zahari, 31, berkata semasa di Kedah, Seri Paduka Baginda akan meluangkan masa kira-kira dua jam setiap pagi di zoo berkenaan, sebelum berangkat ke pejabat.

"Pada sebelah petang, selepas Tuanku berangkat pulang dari pejabat, Tuanku Abdul Halim akan meluangkan masa dari jam 4.30 petang mendekati haiwan di sini," katanya.

Nur Shafaizal yang bekerja di situ sejak 12 tahun lalu berkata, pernah suatu ketika Tuanku Abdul Halim menjumpai seekor burung di tepi jalan yang cedera teruk apabila paruhnya patah dan mata sebelah buta lalu diambil baginda untuk dirawat sehingga sihat.

Mini zoo itu terletak di kawasan

seluas 2.43 hektar, mempunyai sebuah kolam dan dihuni pelbagai spesies haiwan termasuk lebih 20 spesies burung, yang kebanyakannya dipelihara sejak kecil.

Nur Shafaizal berkata, antara burung yang dipelihara ialah burung kakak tua, merak, kuang, enggang, sejenis burung nuri Amerika yang dikenali sebagai 'blue and gold Macaw' dan burung cenderawasih.

Zoo itu juga turut dihuni rusa, kuda, kijang, landak, kucing spesies Maine Coon, anak buaya tembaga, monyet Marmoset, monyet kepala putih, mawas, dan arnab pelbagai jenis serta 'ferret' iaitu binatang kecil dari keluarga weasel.

Katanya, selain burung air berwarna hitam dan putih, zoo itu juga mempunyai akuarium menempatkan arapaima gigas dan arowana.

Nur Shafaizal berkata, ada kala Tuanku Abdul Halim sendiri yang memandikan burung kesayangannya dan baginda sangat memahami haiwan yang dipeliharanya.

"Sepanjang saya bekerja di sini, saya mendapat banyak ilmu dari-

pada Tuanku bagaimana hendak menjaga haiwan ini dengan baik.

"Tuanku juga selalu memberi makan ikan di kolam. Tuanku tidak bagi kami (pekerja) membaling roti, sebaliknya Tuanku meletakkan roti di tapak tangannya dan direndamkan ke dalam kolam.

"Ikan itu akan datang kepada baginda. Tuanku kata jika kita membaling roti atau makanan ikan, nanti ikan itu akan degil," katanya.

Nur Shafaizal berkata, beliau pernah ditegur Tuanku Abdul Halim kerana bersikap kasar dengan haiwan di situ iaitu menjentik paruh burung untuk menjinakkannya.

"Tuanku kata haiwan tidak boleh dilayan dengan kasar kerana nanti mereka akan degil dengan kita. Ia perlu diusap," katanya.

Burung yang paling baginda sayangkan ialah 'Joni' iaitu spesies enggang badak.

Zoo itu hanya dibuka untuk rombongan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan kelulusan daripada pejabat Sultan Kedah. - BERNAMA